JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN
TINGKAT 10, WISMA PERSEKUTUAN
JALAN DATO' ABDUL KADIR, 70990 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7686800
Fax : 06-7619027
Web : http://portalpp.anm.gov.my/nsembilan

---

Ruj. Kami : ANM (S) NS.253 Jld. 5 (64)
Tarikh : 5 Jun 2020

**PENGARAH**
**SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB**
**SEMUA PEJABAT PEMUNGUT**
**KERAJAAN PERSEKUTUAN**
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YBhg. Dato' / Tuan,

**SEMAKAN CETAKAN BANK PADA PENYATA PEMUNGUT**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, semakan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Sembilan mendapati bahawa terdapat Nombor Slip Bank yang dikunci masuk oleh pihak bank berbeza dengan Nombor Penyata Pemungut PTJ. Ini menyebabkan Jabatan ini sukar mengenalpasti PTJ/Pejabat Pemungut yang merupakan pemunya bagi wang kutipan hasil tersebut.

3. Sehubungan itu, kerjasama daripada semua PTJ / Pejabat Pemungut adalah dipohon untuk membuat semakan dan memastikan Nombor Penyata Pemungut yang dicetak oleh pihak bank adalah sama seperti No. Slip Bank pada Penyata Pemungut (rujuk contoh gambar di **Lampiran A**) sebelum meninggalkan kaunter bank. Sekiranya nombor berkenaan tidak sama, PTJ perlu memaklumkan kepada pihak bank untuk menukar nombor tersebut dan membuat cetakan yang baru.

4. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Dato' / tuan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
***'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'***

Saya yang menjalankan amanah,

**( MOHAMAD NOR AZAM BIN SABTU C.A.(M) )**
Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Sembilan

**Lampiran A**

## CONTOH SEMAKAN CETAKAN BANK PADA PENYATA PEMUNGUT



CONTOH

SLIP BAYAR MASUK BANK

| NAMA BANK | A... UNTAN NEGARA MALA...SIA-N SEMBILAN-T | Tarikh | 18.02.2020 | No. Slip Bank: 27021201P1008 |
|---|---|---|---|---|
| | | Pejabat Perakaunan: | 1005 | JANM NEGERI SEMBILAN |

| | WANG TUNAI | AMAUN (RM) |
|---|---|---|
| CEK CAWANGAN INI<br>CEK CAWANGAN LAIN<br>CEK BANK TEMPATAN<br>CEK TEMPAT LAIN<br>WANG TUNAI | RINGGIT MALAYSIA LAPAN RATUS SEPULUH | 810.00 |
| | CEK-CEK | AMAUN (RM) |
| | (BUTIRAN CEK SEPERTI DI MUKA SENARAI CEK) | 0.00 |

011 125 SEN024 011-01-01885-9 AKAUNTAN NEGARA MALA
18/02/2020 14:51 ... 1871 ACC MYR 810.00 REPRINT
27021201P1008

| NO. AKAUN | 01101018859 | NAMA | AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA-N.SEMBILAN-T |
|---|---|---|---|

KERAJAAN MALAYSIA
PENYATA PEMUNGUT

(Kew. 305E - Pind. 1/2016)
Muka Surat: 1/4

Tahun Kewangan 2020

| Jenis Urusniaga | Pejabat Perakaunan | No. Dokumen | Tarikh Dokumen | Tarikh Dokumen Diterima |
|---|---|---|---|---|